



## SIARAN AKHBAR

### PINDAAN KE ATAS NOTIS BAGI AMALAN PASARAN

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan pindaan ke atas Notis Bagi Amalan Pasaran (Notice No. FCI/N2/2021/1), yang akan berkuatkuasa bermula 1 Julai 2021. Notis ini menggantikan Notice No. FCIU/N2/2017/1.
2. Notis ini akan mempertingkatkan lagi keperluan bagi bank dan institusi kewangan untuk memastikan pendedahan dan ketelusan maklumat, dan memberikan layanan yang adil kepada semua pelanggan kewangan. Notis ini juga memerlukan bank dan institusi kewangan untuk memberikan latihan yang mencukupi bagi untuk memastikan kecekapan staf barisan hadapan. Notis tersebut juga merangkumi isu perlindungan pengguna kewangan khusus bagi produk dan perkhidmatan kewangan digital, termasuk perlindungan data dan maklumat pelanggan.
3. Pindaan ke atas Notis ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan AMBD untuk mengukuhkan perlindungan pelanggan kewangan melalui taraf kefahaman pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh bank dan institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam. Ini akan membantu pelanggan membuat keputusan kewangan yang lebih bermaklumat dan seterusnya, meningkatkan kepercayaan dan keyakinan mereka dalam berurusan dengan bank dan institusi kewangan.
4. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

#### Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 11 Syaaban 1442H / 25 March 2021M